

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 24 RABU 14HB. JUN 1972 1392 رايو 2 جمادي الاول PERCHUMA

IDEOLOGI NEGARA HENDAK-LAH DI-TANAMKAN KAPADA KANAK2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Pemancha telah menyeru seluruh guru2 di-negeri ini supaya bekerjasama bagi menjaga kedaulatan, prinsip atau ideologi negara yang berdasarkan kesultanan, keugamaan, kebangsaan, kebudayaan dan bahasa.

“Segala isi dalam prinsip atau ideologi negara itu hendaklah di-tanam dalam jiwa dan sanubari kanak2 agar mereka tidak hilang peduman atau teraba2 dalam masyarakat dan identiti Brunei pada masa mereka dewasa kelak”, sabda Yang Teramat Mulia.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika merasmikan pembukaan sambutan Hari Pelajar di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu, 10 Jun yang baru lalu. (Gambar2 dan berita lanjut mengenai sambutan itu disiarkan di-muka tengah).

Bersabda mengeai gerakan pelajaran di-negeri ini, Yang Teramat Mulia itu mensifatkan Brunei sa-bagai satu2nya negara di-Tenggara Asia yang menikmati kemudahan2 Pelajaran yang tiada tulok banding-nya.

Kerajaan D.Y.M.M., sabda Yang Teramat Mulia itu, adalah senantiasa memberi peluang kepada rakyat Baginda untuk menuntut ilmu pengetahuan dunia dan akhirat sama ada di-dalam atau di-luar negeri hingga mencapai kapada peringkat sa-tinggi2-nya ia-itu sa-laras dengan kemajuan dan perkembangan dalam semua bidang pelajaran sain2 dan teknologi dan lain2.

Sabda Yang Teramat Mulia bahawa Hari Pelajar adalah salah satu projek tahunan Jabatan Pelajaran dengan tujuan untuk mencapai kemajuan di-bidang pelajaran.

(Lihat muka 8)



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha ketika menyampaikan sabda sa-belum rasmikan Hari Pelajar.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-London pada hari Khamis lepas.

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato

Seri Utama Ag. Isa; Pemandu Menteri Besar, Y.A.M. Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin dan Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu.

Turut juga dalam rombongan baginda itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Utama Awang Idris Talog Davies; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Setia Dr. P.I. Franks dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

Gambar atas menunjukkan Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang J.E.T. Thorne mengucapkan selamat berangkat kapada Duli Yang Maha Mulia di-lapangan terbang Berakas.

Stadium akan di-bena di-Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan bagi pembenaan sa-buah stadium di-Bandar Seri Begawan.

Pembenaan stadium itu ada-lah sa-bagai satu tanda kenangan atas lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29hb. Februari yang lalu.

Keputusan bagi pembenaan stadium itu telah di-ambil dalam satu mashaurat Jawatankuasa Tanda Peringatan Sempena Lawatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II yang bersidang baru2 ini.

Dalam satu perisytiharan jawatankuasa itu menyatakan bahawa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei itu adalah satu lawatan yang bersejarah kapada negeri ini dan menjadi satu kenangan yang kekal abadi kapada Negeri Brunei dan seluruh rakyat serta penduduk dan isi di-dalamnya.

Menurut perisytiharan itu lagi bahawa pembenaan stadium itu akan di-biayai sa-bahagian-nya oleh rakyat dan penduduk Negeri Brunei dengan chara kutipan2 derma melalui jawatankuasa2 kecil yang akan di-lantek atau menerusi Setiausaha Agong Jawatan-

kuasa tersebut.

Perisytiharan itu menyeru rakyat dan penduduk negeri ini supaya memberikan kerjasama yang penuh, dengan chara apa jua, bagi menjayakan rancangan tersebut.

Kerjasama itu perlu-lah di-berikan demi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya di-adakan satu peringatan yang sesuai untuk memperingati sempena baik keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei itu.

Perisytiharan jawatankuasa itu menegaskan bahawa pembenaan

(Lihat muka 8)

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 42/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Safar bin Ahmad, Kampong Belimbing, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Subok @ Suboh bin Raya yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 43/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Md. Tahir bin Tengah, Kampong Peramu, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tengah bin Metussin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 44/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Fatimah binte Besar, Kampong Peramu, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Taha bin Tagap yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 45/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Saripah bte. Lamit, c/o Ketua Kampong Belimbing, Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Nudin bin Tinggal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 46/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Rahman bin Hj. Abu Bakar, d/a No. 6, Kg. Lurong Dalam, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abu Bakar bin Awang Hashim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 47/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Asar bin Pakar, Kg. Tanjong Bunut, Batu 9, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dy. Ranik binte Pakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 48/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kula bin Puasa, Kg. Orang Kaya Besar Imas, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Puasa bin Taha yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 49/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Metasim bin Abd. Rahman, Pasar Daging, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Aisah bte. Abdul Rahman @ Hajjah Aisah bte. Awg. Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 50/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Cheong Chong, c/o Chong Radio Service, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Kim Tee yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 51/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Tali bin Rais, d/a Kampong Panchor Murai, Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Raths @ Rais bin Othman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 52/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hasan binte Alli, d/a Awg. Hasan bin Hj. Abdul Ghani, Pejabat Laut, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Rianik bte. Alli yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 53/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Soon Seng Lee, P.O. Box No. 151, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Soo Haw Su yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak chuchu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

LIDAH ada-lah sa-bahagian daripada anggota tubuh yang amat kecil tetapi sangat besar peranan yang di-lakukannya. Dengan lidah dapat di-kenal siapa yang kufor dan dengan lidah juga dapat di-kenal siapa yang beriman.

Bukan-kah dua kalimah shahadat yang di-ucapkan dengan lidah boleh menjadikan orang yang beriman namanya? Bukan-lah kalimah penafian ada-nya Tuhan jika di-ucapkan boleh pula menjadikan orang itu kufor atau kafir nama-nya?

Sa-lain daripada itu pula tiap2 yang ada atau yang tiada, tiap2 penchipta atau yang di-chipta yang merupakan khayalan atau kenyataan, yang berupa sangkaan atau bayangan semua-nya itu lidah-lah yang akan menentukan sama ada di-akui-nya atau di-tolak-nya. Dan tiap2 yang menjadi pengetahuan, lidah-lah juga yang dapat menggambarkan-nya, lidah-lah yang mengishtiharkan betul salah-nya.

Dengan ini jelas-lah kepada kita betapa besar-nya peranan lidah itu. Siapa yang membiarkan kebebasan lidah-nya atau melepaskan apa yang terasa sedap oleh lidah-nya dia akan di-temani shaitan sepanjang jalan, tak akan berenggang daripada segala lapangan, kemudian di-pandu-nya ka-ju-rang bahaya. Jarang orang selamat menahan lidah-nya kechuali orang yang berpandukan ugama. Kerana itu Rasulullah s.a.w. banyak sekali memberi pesanan supaya berhati2 menggunakan lidah itu.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Siapa diam dia selamat". Manakala Nabi Mohammad s.a.w. di-tanya orang apakah sa-besar2 perkara yang menyebabkan ma-

LIDAH MEMPUNYAI PERANAN YANG BESAR



KHUTBAH JUMA'AT

nusia masuk shurga?: Di-katakan Baginda: "Dua perkara sahaja ia-itu takut kepada Allah dan berbudi pekerti yang baik". Dan manakala tanya pula apakah sa-besar2 perkara yang menyebabkan manusia masuk neraka?. Dikatakan Baginda, "Dua rungga ia-itu mulut dan kemaluan".

"Dengan lidah dapat di-kenal siapa yang kufor dan siapa yang beriman"

Dari Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa perchaya kepada Allah dan hari kemudian, maka berchakap-lah yang baik atau diam".

Ada-lah juga di-riwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya lidah orang mu'min itu berada di-belakang hati-nya. Jika ia hendak berkata2 di-fikirkan-nya terlebih dahulu oleh hati-nya lalu di-sampaikan oleh lidah-nya. Dan sesungguhnya lidah

orang menafik pula berada di-hadapan hati-nya, jika ia bermaksud sa-suatu di-lepaskan oleh lidah-nya dengan tidak di-fikirkan terlebih dahulu oleh hati-nya".

Daripada hadith2 Rasulullah yang kita sebutkan tadi jelas-lah kepada kita tentang kelebihan menutup mulut dan

benचना yang di-timbulkan oleh lidah. Oleh kerana perbuatan lidah-lah berbagai2 keburokan boleh timbul, terjadi-lah kesilapan2, dosa, mengata keburokan orang, mengumpat, luhah, bermu-

ka2, memuji diri, memutar-balekkan kebenaran, menghasut, membukakan aib dan rahasia orang dan bermacham2 lagi. Semua keburokan2 itu ada-lah di-sebabkan lidah yang tiada bertulang itu.

Yang demikian itu bukan-lah berarti kita di-larang sama sekali berchakap dan berkata2, kerana itu pun perkara mustahil dapat di-lakukan-nya bagi mereka yang tiada "babau" atau bisu. Tetapi yang di-maksudkan di-sini biar-lah kata2 yang di-keluarkan oleh lidah itu perkara2 yang baik dan berfaedah, bukan mengenai perkara yang burok atau sia2.

Rasulullah s.a.w. pernah mengingatkan menerusi sabda Baginda yang bermaksud: "Daripada kebaikan Islam-nya sa-seorang itu ia-lah meninggalkan perkara yang tiada memberi guna kepada-nya".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya berhati2 dan berwaspada apabila mengeluarkan perchakapan dan sa-belum berchakap elok-lah di-fikirkan baik2 sama ada yang akan di-chakapkan itu baik atau sa-balek-nya, jangan sampai sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa dan dengan demikian mudah2an akan terse-lamat-lah tuan2 daripada terjerumus ka-dalam dosa yang di-sebabkan oleh lidah.

162 orang mendaftar untuk naik haji dgn. k-terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Haji hingga 6hb. Jun telah mendaftarkan sara-mai 162 orang Islam dari Brunei yang ingin hendak menunaikan fardzu haji dengan kapal terbang dalam musim haji 1972/1973.

Pechahan bilangan jema'ah haji dari tiap daerah ia-lah seperti berikut: Daerah Brunei

Muara 147, Daerah Belait 13 dan Temburong 2.

Sa-orang juruhchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, mereka yang ingin hendak menunaikan fardzu haji dengan kapal terbang mesti-lah membuat permohonan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama di-daerah masing2 tidak lewat dari 19hb. Jun 1972.

13 orang penuntut Ugama melanjutkan pelajaran ka-Malaysia Barat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hasanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit telah berlepas ka-Malaysia Barat pada 7hb. Jun untuk melanjutkan pengajian mereka di-Maktab Islam di-Klang.

Mereka ia-lah Dayang Datang binte Puasa, Aisah binte Mohamed Yusof dan Dayang Norzinah binte Mohamed Tahir.

Ini ada-lah pertama kali-nya penuntut2 dari sekolah tersebut melanjutkan pengajian mereka di-maktab itu.

Berlepas dengan kapal terbang yang sama pada hari itu ia-lah Awang Adnan bin Zai-

nal yang akan melanjutkan pengajian-nya di-Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu.

Sembilan orang penuntut lagi juga berlepas dari Brunei pada 11hb. Jun bagi melanjutkan pelajaran mereka di-Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu.

Mereka ia-lah Awang Sahak bin Haji Abdullah, Dayang Rasidah binte Awang Tengah, Dayang Noriah binte Mohammad, Dayang Gandhi binte Haji Abdul Rahman, Nor binte Mahadi, Siti Ajimah binte Abdul Rahman, Mastura binte Haji Awang, Metussin bin Hj. Ahmad dan Besar bin Amba.

Kesemua penuntut2 itu telah menerima biasiswa kerajaan Brunei melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14hb. Jun, 1972 hingga ka-hari Selasa 20hb. Jun, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
14hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
15hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
16hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
17hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
18hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
19hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
20hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

14hb. Jun, 1972.

STADIUM

BRUNEI tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah stadium yang akan di-bina di-Bandar Seri Begawan sa-bagai satu tanda kenangan atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-negeri ini pada 29hb. Februari yang lalu.

Keputusan bagi membina stadium tersebut telah di-ambil dalam satu mashuarat jawatankuasa Tanda Peringatan Sempena Lawatan Baginda itu ka-Brunei yang bersidang pada 16hb. Mei yang lalu dan keputusan itu telah di-perkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pembinaan stadium itu akan di-biayai sa-bahagian-nya oleh rakyat dan penduduk Negeri Brunei dengan cara kutipan2 derma melalui jawatankuasa2 kecil yang akan di-lantek atau menerusi Setiausaha Agong Jawatankuasa itu.


Satu kenyataan jawatankuasa itu menegaskan bahawa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei itu adalah satu lawatan yang bersejarah kepada negeri ini dan menjadi satu kenangan yang kekal abadi kepada Negeri Brunei dan seluruh rakyat serta penduduk serta isi di-dalam-nya. Maka dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, satu Jawatankuasa Tanda Peringatan Sempena Lawatan Baginda Queen itu telah di-lantek.

Keputusan bagi pembinaan sa-buah stadium di-negeri ini ada-lah satu keputusan yang bijaksana memandang kepada keadaan negara kita yang semakin berkembang ini dan juga ada-lah selaras dengan pertumbuhan rakyat pada menyaimbangi semangat kesokanan. Menjadi satu tanda kenangan yang bersejarah seperti yang dikatakan oleh kenyataan jawatankuasa itu ada-lah satu perkara yang tidak dapat di-tolak, bahkan ia-nya ada-lah satu perkara yang amat penting dari segi peradaban bangsa kita yang senantiasa menghormati sa-suatu yang bertujuan baik itu.

Stadium ada-lah satu lapangan yang menjadi idaman sa-bilangan besar rakyat terutama di-kalangan ahli2 sokan dan penchina2 sokan tanah ayer. Tagehan2 untuk mendirikan sa-buah stadium di-Brunei sudah semakin meluas sekarang yang tidak hanya pada memikirkan untuk pertumbuhan jasmani rakyat yang subur dan berfaedah kepada negara, bahkan juga dari segi tagehan2 terhadap mutu sokan yang mana Brunei sejak akhir2 ini telah turut melibatkan diri dalam bidang sokan antara banesa.

Rakyat dan penduduk, terutama peminat2 sokan, apa lagi yang terdiri dari orang2 yang berada, maka ini-lah masa-nya bagi mereka memboktikan ke-cintaan mereka terhadap sokan tanah ayer itu yang hanya di-harapkan melalui huluran derma sahaja.

Ini-lah juga masa-nya seluruh rakyat Brunei menun-jukkan kerjasama mereka untuk membangun- s u b o r k a n bangsa dan pada menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



▲ Pengarah Pelajaran, Dato Seri Lai-la Jasa Awang Malcolm MacInnes kelihatan sedang berjabat tangan dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha sa-baik2 saja sa-lepas Pengarah Pelajaran itu menghadihkan sabatang tongkat kepada Yang Teramat Mulia sa-bagai tanda kenang2an atas kemurahan hati Yang Teramat Mulia bagi merasmikan sambutan Hari Pelajar tahun ini.

▼ Sa-bahagian daripada para ibu-bapa yang menyaksikan upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar yang telah di-adakan pada hari Sabtu lepas.



PEMBUKAAN RASMI HARI PELAJAR SEKOLAH2 RENDAH MELAYU

HARI Pelajar Sekolah2 Rendah Melayu sedang di-adakan dalam bulan ini. Sa-banyak 103 buah sekolah Melayu di-seluruh negeri akan mengadakan Hari Pelajar itu pada tarikh2 yang berasingan.

Pembukaan Hari Pelajar itu telah dilakukan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha dalam satu perhimpunan yang telah di-adakan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 10hb. Jun yang lalu.

Dalam perhimpunan itu berbagai2 achara telah di-persembahkan oleh penuntut2 sekolah rendah dan menengah.

Sambutan Hari Pelajar ada-lah salah satu projek tahunan Jabatan Pelajaran yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada ibu-bapa atau penjaga murid2 melihat sendiri terhadap kegiatan2 anak2 mereka di-sepanjang hari persekolahan. Di-samping itu para ibu-bapa mengemukakan buah fikiran dan ber-bincang dengan guru2 untuk ke-baikn pelajaran.



▲ Tiga sudut pemandangan tarian payong yang di-persembahkan oleh penuntut2 yang terpilih dari semua daerah (gambar2 kiri, atas dan bawah kiri).



▲ Pasokan Pando Puteri dari Sekolah Melayu SMJA dan gabungan Daerah Brunei - Muara berbaris lalu di-h a d a p a n pentas di-mana D.Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha kelihatan berdiri tegak (kiri).

▲ Badan Seni Lukis dari Sekolah Melayu SMJA berbaris lalu di-hadapan pentas.



▲ Murid2 yang mewakili sekolah2 Melayu seluruh negeri membawa bendera sekolah mereka masing2 di-upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar.

▲ Sa-bahagian dari beribu2 orang yang menyaksikan upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar.

PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KA-UNIVERSITI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran sekarang menjemput calon2 untuk mendapat dermasiswa kerajaan bagi melanjutkan pelajaran peringkat pra-universiti di-United Kingdom bagi tahun pengajian 1972/1973.

Calon2 mesti-lah rakyat Brunei dan telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan Pangkat Satu dan Dua, atau kelayakan yang sa-bandung serta mendapat kepujian dalam bahasa Melayu, atau lima mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran 'O' Level, termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu sahaja boleh memohon bagi dermasiswa itu.

Borang2 permohonan dan lain2 keterangan dapat di-perolehi dari Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Tarikh penutup ia-lah hari Sabtu 17hb. Jun, 1972 dan permohonan yang di-terima selepas tarikh itu tidak akan dilayan.

Calon2 yang mempunyai kelayakan seperti di-atas akan di-temu duga pada satu tarikh yang akan di-umumkan nanti.

Pameran urusan rumah tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pameran urusan rumah tangga pada 21hb. dan 22hb. Julai hadapan.

Ia-nya terbahagi kepada tiga bahagian, pertama yang akan mengandungi 19 jenis acara mengenai bunga2an; bahagian kedua mengandungi 26 jenis acara mengenai jahitan dan anyaman, dan bahagian ketiga mengandungi 16 jenis acara mengenai masakan, termasuk kueh-mueh.

Semua penyelia2 pelajaran dewasa dan guru2 urusan rumah tangga, supaya membuat persediaan2 yang perlu, mulai sekarang bagi menyertai pameran itu.

Pameran tersebut ada-lah terbuka kepada pelajar2 kelas dewasa dan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.

Pulang sa-telah berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penolong pegawai balai Pasokan Bomba Brunei, Awangku Omar Ali bin Pengiran Idris telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu, sa-telah menamatkan kursus latihan pegawai sa-lama enam bulan di-Pusat Latihan Pasokan Bomba Hong Kong.

Sa-masa kursus, beliau telah juga mempelajari berbagai aspek perkhidmatan bomba.



PERTUBOHAN Perkumpulan Perempuan Brunei telah mengadakan mashuarat agong untuk memilih ahli2 jawatankuasa yang baru untuk mentadbirkan pertubuhan itu bagi tahun 1972/1973.

Gambar bawah menunjukkan ahli2 jawatankuasa tertinggi yang di-pilih itu. Dari kiri: Dayang Hamidah Amat — Penolong SUA II; Dayang Marhani Abdul Latiff — Setia Usaha Agong; Dayang Masni Haji Ali — Yang Di-Pertua; Jamilah Yadi — Naib Yang Di-Pertua; Dayangku Chuchu bte. Pg. Haji Mat Daud — Bendahari dan Dayang Nafisah bte. Haji Ali — Penolong SUA I.



JAWATAN KOSONG:

SA-BAGAI PEMBANTU PENYELIDEK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Penyelidik di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah sa-kurang2 lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-bandung dengan-nya dan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyelidikan Bahasa dan Sastra Melayu

PEMBETULAN

TENTU-NYA pembaca te-lah melihat gambar di-atas dan membaca keterangan-an-nya sekali yang di-siarkan di-muka tengah keluaran minggu lepas.

Yang memakai pakaian hitam itu bukan-lah Brig. P.G. A. Prescott, tetapi ia-lah Dato Seri Laila Jasa C.T. Miller, Penolong Pesuruhjaya Pulis.

Peraduan silat dan kuntau Daerah Brunei-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan silat dan kuntau bagi Daerah Brunei-Muara ia-itu sa-bahagian dari acara rana sambutan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, akan di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada 23hb. dan 24hb. Jun, mulai pukul 7.30 malam.

Sa-orang juruchakap di-Pejabat Daerah Brunei-Muara berkata, peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Brunei-Muara sahaja, dan mereka yang ingin menyertai peraduan itu boleh-lah mendaftarkan nama mereka kepada ketua2 kampung masing2, atau sa-chara langsung kepada Setia Usaha Peraduan, di-alamatkan ka-Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Juruchakap itu berkata, mereka yang ingin mengambil bahagian, dalam perlawanan2, pertunjukkan, pada tarikh itu juga, ada-lah di-minta berhubung kepada ketua kampung masing2 atau kepada Setia Usaha Peraduan.

Tarikh akhir bagi penerimaan peserta yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan dan pertunjukkan itu, ia-lah 15hb. Jun.

JAWATAN KOSONG: SA-BAGAI TALIGRAP OPERTOR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Taligrap Operator di-Jabatan Talikom, Brunei yang mana tugas permulaan-nya ada-lah di-kawasan Kuala Belait — Seria.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris satu yang sebanding dengan-nya. Hanya pemohon2 yang faham bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-pertimbangkan.

Umur di-antara 17 hingga 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

serta boleh membaca dan menulis Jawi.

Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D1-2-3-EB4 \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 54/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aminah bte. Abdullah, d/a No. 67, Kampong Kapok, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdullah bin Bagul yang telah meninggal dunia di-dalam Labuan dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 55/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awangku Mohammad Alam bin Pengiran Anak Sapor, d/a Kg. Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kawang Sarbanun bte. Mohd. Adam yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 56/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sukor bin Pakar, d/a Kampong Beribi, Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pakar bin Daim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 58/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Timah bte. A. Aman, d/a No. 50, Kampong Serasa, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Muntol bin Kadir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelakuan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan setor letrik. Kebolehan menaip ada-lah perlu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — \$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan

akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 27hb. Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 57/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Kahar bin Musa, d/a Kampong Tanjong Nangka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Manta bte. Simpol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEM/LA/5/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ampuan Ali Umar bin Ampuan Mayasin, d/a Kampong Sungai Tanit, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ampuan Metahir bin Ampuan Raman, yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kemandakan kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Jun, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

oleh: m. sallah ibrahim **SI-TUYU**



PELAJARAN ADA-LAH TANGGONG-JAWAB KEBANGSAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang M. MacInnes menekankan bahawa soal pelajaran atau pendidikan tidak patut di-bebankan kepada satu pihak sahaja tetapi ia-nya ada-lah tanggung-jawab kebangsaan.

Beliau menegaskan bahawa sa-tiap orang, terutama-nya para ibu bapa mesti-lah mengambil berat supaya pendidikan anak2 sentiasa mendapat kejayaan yang gemilang dan sa-laras dengan kehendak peredaran zaman.

Menurut beliau bahawa chara yang demikian juga ada-lah sesuai dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pengarah Pelajaran itu menyatakan demikian ketika berucap di-temasha pembukaan rasmi Hari Pelajar yang berlangsung di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Tujuan Hari Pelajar, katanya, ia-lah semata2 untuk memberi peluang yang luas para ibu bapa dan penjaga2 murid supaya mendampingi diri masing2 kepada guru2 dengan chara bertukar fikiran mengenai aspek didekan pelajaran anak2.

Hari Pelajar yang merupakan projek talifun Jabatan Pelajaran ada-lah mengandungi berbagai2 acara yang di-buat, di-susun dan di-tunjokkan di-tiap2 buah sekolah Melayu.

Menurut Pengarah Pelajaran itu bahawa tahun ini ada sa-banyak 103 buah sekolah2 rendah Melayu dan enam buah sekolah2 Menengah Melayu dan semua pendaftaran di-semua sekolah2 yang beraliran Melayu ada-lah lebih dari 20,000 orang.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, kata beliau, ada-lah sekolah yang terbesar sekali dan yang cukup lengkap di-Brunei yang boleh memuat hampir2 2,000 orang murid.

Beliau juga memaalumkan bahawa sa-orang penuntut aliran Melayu telah berjaya memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia dan ramai diantara penuntut2 yang lulus dalam mata2 pelajaran di-peringkat prinsipal dalam STP akan memasuki Maktab Latehan tahun ini untuk menjadi guru2 menengah bagi masa hadapan.

Beliau berkata bahawa kejayaan sa-sabua sekolah ada-lah bergantung ka-atas pekerjaan guru2 dan beliau mengucapkan terima kasih atas

pekerjaan mereka yang gemilang itu.

Di-samping itu beliau juga berharap kepada semua guru2 yang sedang berkhidmat yang belum memiliki Sijil Pelajaran Malaysia supaya menchuba bersungguh2 untuk mendapatkan-nya atau pepercakaan2 lebih tinggi dari itu.

Pembinaan stadium bagi memperingati lawatan Baginda Queen

(Dari muka 1)

Stadium Peringatan itu bukan hanya akan mengharumkan nama baik Negeri Brunei, tetapi juga akan mendatangkan faedah kepada rakyat Negeri Brunei Darussalam sendiri.

Stadium itu juga akan menjadi suatu asas bagi kesuburan pertumbuhan jasmani yang menjadi punca kesihatan rakyat dan penduduk Negeri Brunei ini.

"Dengan ada-nya sa-tiap lapisan rakyat dengan sukarela menyumbangkan sa-kadar yang terupaya dalam projek pembinaan stadium ini akan membekalkan perpaduan rakyat berdiri tegoh dan menjunjung kedaulatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan", tegas perisytiharan itu.

Ibu-bapa di-seru bekerjasama dalam memajukan pelajaran

(Dari Muka 1)

"Ini ada-lah satu bakti bahawa Jabatan Pelajaran sentiasa berusaha dan mencari daya pemikiran bagi kemajuan dan perkembangan dalam saganap bidang yang sa-laras dengan kehendak dan kemajuan zaman." Sabda Yang Teramat Mulia itu.

Yang Teramat Mulia menyeru ibu bapa dan penjaga2 murid supaya memahami sadalam2-nya akan tujuan dan hakikat serta semangat temasha Hari Pelajar dan dengan yang demikian mereka akan dapat memberikan kerjasama kepada guru2 dan Jabatan Pelajaran bagi mencapai tujuan dan matalamat-nya yang berfaedah.

Kapada murid2 pula, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha mengingatkan bahawa ilmu pengetahuan yang tinggi itu tidak akan lengkap andai-nya tidak di-sertai dengan budi pekerti yang terpuji dan sopan-santun yang bertata-tertip.



Dato M. MacInnes

Perisytiharan itu menambah bahawa dengan terbena-nya stadium itu nanti akan juga merupakan ristaan kekal abadi tentang kasih sayang rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Jawatankuasa itu di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa; Naib Pengerusi ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Penasehat, Yang Di-Mulia-kan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz; dan Setiausaha Agong ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Ahli2 yang lain dalam jawatankuasa itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Taha bin Pehin Ratna Diraja Awang Hussein; Yang Berhormat Dato Setia Awang Mohd. Taib bin Haji Awang Besar; Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; Yang Berhormat Awang Haji Sapawi bin Metassim.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara, Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin; Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman; Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awg. Hj. Metali bin Matyassin.

Y.B. Pehin Orang Kaya Laksmadato Dato Seri Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Seri Utama Awang John Lee; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Mashuarat agong B.G.M.H.U.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Ali bin Awang Haji Besar akan merasmikan mashuarat agong Kesatuan Sekerja Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei pada hari Ahad 18hb. Jun bertempat di-dewan Asrama Jururawat Bandar Seri Begawan.

Setia Usaha Kesatuan itu, Awg. Adnan bin Awang Besar ahli2 kesatuan itu supaya hadir di-mashuarat itu.

Peluang sedang di-buka kepada penternak2 kerbau luar bandar untuk memileki bangku di-pasar besar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seluruh penduduk luar bandar yang menternak kerbau akan mendapat peluang untuk menggunakan beberapa buah bangku di-Pasar Besar, Bandar Seri Begawan untuk menjual daging ternakan mereka itu.

Demikian menurut Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

Beliau berkata bahawa satu siaran khas mengenai dengan perkara itu telah pun di-sebar-kan kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam Daerah Brunei dan Muara untuk memberi tahu kepada penternak2 kerbau dalam kampong masing2.

Pekah Lembaga Bandaran, kata beliau, telah menyedari bahawa banyak diantara penduduk2 luar bandar ingin hendak menyembelih dan menjual daging kerbau mereka sendiri di-Pasar Besar, Bandar Seri Begawan, tetapi oleh kerana ketiadaan kemudahan, maka keinginan itu tidak dapat dilaksanakan.

"Sa-bagai satu usaha bagi menggalakkan kechenderongan penternak2 kerbau di-luar bandar itu, maka pekah Lembaga Bandaran menyediakan beberapa buah bangku untuk mereka", tegas beliau.

Di-tanya mengenai dengan sharaat2-nya, Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa syarat utama yang perlu di-patohi ia-lah mereka hendak-lah menjual daging2 kerbau itu lebih murah daripada harga yang ada sekarang di-Pasar Besar.

Lain2 syarat penggunaan bangku2 itu ia-lah tiap2 pemakai hanya di-kenakan bayaran satu ringgit sahaja dan bangku hendak-lah di-bersehadkan sa-lepas di-gunakan serta penjual2 itu nanti hendak-lah dalam keadaan sehat.

Sa-barang permohonan hendak-lah di-tujukan kepada Pengerusi atau Setiausaha Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei sama ada melalui surat, atau berjumpa, atau talipon dan sa-baik2-nya dengan memberi notis tiga hari sa-belum pemakaian itu diperlukan.

Beliau berharap supaya peluang itu akan dapat di-amal dengan sa-baik2-nya oleh penternak2 luar bandar dan berharap kepada penghulu2 dan ketua2 kampong akan dapat menyebarkan peluang baik itu kepada seluruh anak buah mereka, khas-nya yang menternak kerbau.